



***PENILAIAN PELAKSANAAN TEORI DAN PRAKTIS SUBJEK
PERUBATAN KECEMASAN KURIKULUM DIPLOMA PEMBANTU
PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BERDASARKAN MODEL PENILAIAN ILUMINATIF***

ALIAS BIN MAHMUD

FPP 2016 19



**PENILAIAN PELAKSANAAN TEORI DAN PRAKTIS SUBJEK
PERUBATAN KECEMASAN KURIKULUM DIPLOMA PEMBANTU
PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BERDASARKAN MODEL PENILAIAN ILUMINATIF**

Oleh

ALIAS BIN MAHMUD

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2016

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENILAIAN PELAKSANAAN TEORI DAN PRAKTIS SUBJEK
PERUBATAN KECEMASAN KURIKULUM DIPLOMA PEMBANTU
PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BERDASARKAN MODEL PENILAIAN ILUMINATIF**

Oleh

ALIAS BIN MAHMUD

Mei 2016

Pengerusi: Nor Hayati Bt Alwi, PhD
Fakulti: Pengajian Pendidikan

Kajian awal serta dapatan pakar daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan terdapatnya jurang antara teori dan praktis dalam pelaksanaan kurikulum separa perubatan di negara ini. Namun, isu ini tidak pernah dinilai secara sistematik dan menyeluruh dalam kurikulum Diploma Pembantu Perubatan di negara ini. Justeru, kajian ini telah dijalankan untuk menilai pelaksanaan teori dan praktis Subjek Perubatan Kecemasan (SPK) kurikulum Diploma Pembantu Perubatan dan sekaligus mengenal pasti berlakunya jurang antara teori dan praktis. Kajian ini telah menggunakan Model Penilaian Iluminatif kerana ia sesuai dengan tujuan kajian iaitu menilai pelaksanaan kurikulum melalui penerokaan mendalam pendapat peserta yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum tersebut. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif secara kajian kes dan telah dijalankan di Kolej Pembantu Perubatan Seremban. Seramai 12 orang peserta iaitu 4 orang pengajar, 4 orang pelajar dan 4 orang LP yang telah dipilih secara *purposive sampling*. Data-data telah diperolehi melalui temu bual mendalam dengan menggunakan soalan separa struktur. Selain itu data-data juga diperolehi melalui pemerhatian pengajaran dan pemerhatian pemantauan klinikal serta semakan dokumen. Data-data dianalisis melalui pendekatan *thematic coding* dengan menggunakan perisian NVivo 10. Kajian ini telah menilai 5 aspek utama iaitu organisasi isi kandungan kurikulum, pendekatan pengajaran, peranan pengajar, peranan preceptor tempatan dan pengaruh kurikulum tersembunyi. Hasil kajian mendapati, dalam aspek organisasi isi kandungan kurikulum, aspek nilai-nilai murni kurang diberi penekanan dalam kurikulum SPK. Selain itu hasil kajian mendapati isi kandungan yang melibatkan aspek perkhidmatan pra-hospital agak ketinggalan berbanding dengan perkembangan pesat perkhidmatan pra hospital yang berlaku sekarang. Manakala dalam aspek pendekatan pengajaran, hasil kajian mendapati pendekatan pengajaran berpusatkan pengajar telah digunakan secara meluas dalam pengajaran teori di kolej. Dalam aspek peranan pengajar pula, selain daripada melaksanakan pengajaran teori, pengajar juga berperanan melaksanakan pemantauan klinikal dan terlibat aktif dalam pengurusan dan aktiviti kokurikulum. Manakala dalam aspek peranan preceptor tempatan, hasil kajian mendapati mereka telah memainkan peranan penting dalam pelaksanaan praktis klinikal walaupun mereka sibuk dengan tugas hakiki mereka. Hasil kajian ini juga telah mengenal pasti tiga aspek utama yang membentuk kurikulum tersembunyi iaitu pengaruh senior, kepatuhan masa, dan pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi. Akhir sekali, kajian ini telah mengenal pasti dua aspek utama berlakunya jurang antara teori dan praktis iaitu aspek isi

kandungan kurikulum dan aspek prosedur dan peralatan. Sehubungan itu, SPK perlu dibuat penambahbaikan dalam aspek-aspek yang telah dinilai supaya graduan yang dilahirkan dapat memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan di negara ini. Selain itu kajian ini dapat meningkatkan lagi pengetahuan dalam bidang penilaian kurikulum separa perubatan di negara ini.



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

AN EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF THEORY AND PRACTICE OF EMERGENCY MEDICINE SUBJECT IN THE CURRICULUM OF DIPLOMA IN MEDICAL ASSISTANT MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA BASED ON THE ILLUMINATIVE EVALUATION MODEL

By

ALIAS BIN MAHMUD

May 2016

Chairperson: Nor Hayati Bt Alwi, PhD
Faculty: Educational Studies

Preliminary study and expert findings from World Health Organisation (WHO) showed that there is a gap between theory and practice in the implementation of the paramedical curriculum in this country. However, this issue has never been assessed systematically and comprehensively in the Medical Assistant Diploma in this country. Therefore, this study has been carried out to evaluate the implementation of theory and practice, of the Emergency Medicine Subject (EMS) of the Medical Assistant Diploma curriculum and at the same time, identify the existence of gap between theory and practice. This study employs the illuminative evaluation model as it is appropriate with the purpose of study which is to evaluate the curriculum implementation through an in-depth exploration into the views of the participants involved in the implementation. This study adopts a qualitative approach by means of the case study and it was conducted in Seremban Medical Assistant College. 12 participants comprising of 4 lecturers, 4 students and 4 Local Preceptor (LPs) were selected through purposive sampling. Data were obtained through an in-depth interviews using semi-structured questions. Apart from that, data were also obtained through teaching observations and clinical monitoring as well as document revision. The data were analysed through the thematic coding approach, using NVivo 10 software. This study has evaluated 5 main aspects namely the organisational of content, teaching approaches, the role of educators, the role of the local preceptors (LPs) and the influence of the hidden curriculum. The study outcome finds that, in the aspects of organisational of content, the aspect of moral values has not been treated accordingly in the EMS curriculum objectives. Other than that, it finds that the curriculum content involving pre-hospital services have lagged behind, as compared to the exponential growth of the emergency medicine. In terms of the teaching approach, the study finding suggests that teacher-centred teaching approach has been used extensively in the teaching of theory in college. Meanwhile, in terms of the role of the educators, other than implementing theory teaching, educators also adopt the tasks of implementing clinical supervision and they are also actively engaged in curriculum management and co-curricular activity in the college. In terms of the role of the LPs, the study outcome finds that they play a significant role in the implementation of the clinical practice although they are busy with their major tasks. The study outcome also identifies three main aspects that form the hidden curriculum which are the senior influence, adherence to time, and the role of the information technology and

communication. Finally, this study identifies two main aspects behind the existing gap between theory and practice which are the aspects of curriculum content and procedure and equipment. In conclusion, the EMS curriculum must be improved with regards to the aspects that are evaluated so that the graduates produced are able to fulfil the health service requirements in this country. In addition, this study will improve the knowledge in the field of paramedical curriculum assessment in this country.



PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin kurniaNya, tesis ini berjaya disiapkan dalam tempoh yang diberikan. Sepanjang menjalankan penyelidikan untuk menyiapkan tesis ini, saya telah memperoleh pelbagai pengalaman yang sangat berharga dan bermakna dan ini dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan dan tahap keserjanaan saya dalam bidang kurikulum dan pengajaran.

Namun, kejayaan ini tidak terhasil tanpa sokongan dan dokongan beberapa individu yang memberi tunjuk ajar, nasihat dan pandangan dalam proses menyiapkan tesis ini. Sehubungan itu, dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih terutamanya penyelia tesis saya iaitu Profesor Madya Dr. Nor Hayati Binti Hj Alwi. Pengorbanan dan kesabaran beliau menyelia dan menunjuk ajar saya sangat-sangat saya hargai. Selain itu, tidak lupa juga kepada ahli jawatankuasa tesis iaitu Prof Madya Dr. Tajularifin Bin Sulaiman dan Prof Madya Dr. Aminuddin Bin Hassan yang tanpa jemu mencurahkan ilmu bagi memandu saya dalam perjalanan mencari ilmu yang penuh mencabar ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa pensyarah dan individu yang secara langsung dan tidak langsung membantu saya menyiapkan tesis ini. Mereka ialah Prof Dr. Kamariah Abu Bakar, Prof Madya Dr. Mohd Ibrahim Nazri dan Dr. Roselan Baki. Sumbangan dan pertolongan mereka terutama memberikan ilmu pengetahuan berkaitan dengan bidang kurikulum, pengajaran dan penyelidikan sangat-sangat saya hargai.

Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada beberapa pegawai dari Kementerian Kesihatan Malaysia yang memberikan kerjasama yang sangat baik bagi membolehkan saya menjalankan penyelidikan di premis KKM dengan lancar. Mereka ialah YBhg. Dato' Abu Bakar Bin Othman, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Latihan, KKM; En Adnan Bin Yaakob, Ketua Penolong Setiausaha, Unit Pembangunan Kurikulum, BPL dan En Amir Nurdin Bin Harun, Pengarah Kolej Pembantu Perubatan Seremban.

Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas jasa dan pertolongan mereka.

Alias Bin Mahmud

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 5 Mei 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi En. Alias Bin Mahmud bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Penilaian Pelaksanaan Teori Dan Praktis Subjek Perubatan Kecemasan Kurikulum Diploma Pembantu Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia Berdasarkan Model Penilaian Iluminatif” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Turiman Suandi, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Fadzilah Abd Rahman, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Habibah Abd Jalil, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Saedah Siraj, PhD

Profesor
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Julai 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Nor Hayati Alwi, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Aminuddin Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Tajulariffin Sulaiman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Julai 2016

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.


Tandatangan: _____ Tarikh: _____


Nama dan No. Matrik: Alias Bin Mahmud / GS 25897


Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: 
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Nor Hayati Alwi, PhD

Tandatangan: 
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Aminuddin Hassan, PhD

Tandatangan: 
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Tajularifin Sulaiman, PhD

JADUAL KANDUNGAN

| | Halaman |
|--------------------------|--|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | iii |
| PENGHARGAAN | v |
| PENGESAHAN | vi |
| PERAKUAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xvii |
| SENARAI RAJAH | xviii |
| SENARAI SINGKATAN | xix |
| SENARAI LAMPIRAN | xx |
| | |
| BAB | |
| 1 | Pengenalan |
| 1.1 | Pendahuluan 1 |
| 1.2 | Latar belakang Kajian |
| 1.2.1 | Kursus Separa Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia 2 |
| 1.2.2 | Kursus Diploma Pembantu Perubatan 2 |
| 1.2.3 | Pelaksanaan Teori dan Praktis 3 |
| 1.2.4 | Pelaksanaan Teori dan Praktis Subjek PerubatanKecemasan 4 |
| 1.2.5 | Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Diploma Pembantu Perubatan 7 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah 8 |
| 1.4 | Objektif Kajian 10 |
| 1.5 | Persoalan Kajian 10 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian 11 |
| 1.7 | Limitasi Kajian 12 |
| 1.8 | Definisi Istilah |
| 1.8.1 | Kurikulum 13 |
| 1.8.2 | Pelaksanaan Kurikulum 13 |
| 1.8.3 | Penilaian Kurikulum 14 |
| 1.8.4 | Subjek Perubatan Kecemasan 14 |
| 1.8.5 | Pelaksanaan Pengajaran Teori dan Praktis 14 |
| 1.8.6 | Organisasi Teori dan Praktis 15 |
| 1.8.7 | Jurang antara Teori dan Praktis 15 |
| 1.8.8 | Penilaian Iluminatif 15 |
| 1.8.9 | Kurikulum Tersembunyi 16 |
| 1.9 | Rumusan 16 |
| | |
| BAB | |
| 2 | SOROTAN LITERATUR |
| 2.1 | Pengenalan 17 |
| 2.2 | Profesion Penolong Pegawai Perubatan (PPP) |
| 2.2.1 | Latar belakang 17 |

| | | | |
|-----|---------|---|----|
| | 2.2.2 | Peranan Penolong Pegawai Perubatan | 17 |
| | 2.2.3 | Sejarah Latihan Penolong Pegawai Perubatan | 18 |
| | 2.2.4 | Rumusan | 19 |
| 2.3 | | Kurikulum Diploma Pembantu Perubatan (DPP) | |
| | 2.3.1 | Latar belakang | 19 |
| | 2.3.2 | Struktur Kursus | 20 |
| | 2.3.3 | Struktur Kurikulum | 21 |
| | 2.3.4 | Subjek Perubatan Kecemasan (SPK) | 21 |
| | 2.3.5 | Rumusan | 22 |
| 2.4 | | Konsep dan Pendekatan Kurikulum | |
| | 2.4.1 | Pengenalan | 22 |
| | 2.4.2 | Konsep Kurikulum | 22 |
| | 2.4.2.1 | Definisi Kurikulum | 23 |
| | 2.4.2.2 | Perspektif Jenis Kurikulum | 25 |
| | 2.4.3 | Rumusan | 26 |
| 2.5 | | Pembangunan Kurikulum | |
| | 2.5.1 | Konsep Pembangunan Kurikulum | 27 |
| | 2.5.2 | Perancangan Kurikulum | 28 |
| | 2.5.3 | Pelaksanaan kurikulum | 31 |
| | 2.5.3.1 | Faktor-Faktor Mempengaruhi Keberkesanan Pelaksanaan Kurikulum | 32 |
| | 2.5.3.2 | Rumusan | 33 |
| | 2.5.4 | Penilaian Kurikulum | 33 |
| | 2.5.4.1 | Definisi Penilaian | 33 |
| | 2.5.4.2 | Perbezaan Penilaian Kurikulum dan Penyelidikan | 34 |
| | 2.5.4.3 | Jenis-Jenis Penilaian Kurikulum | 36 |
| | 2.5.4.4 | Model Penilaian Kurikulum | 37 |
| | 2.5.5 | Rumusan | 42 |
| 2.6 | | Pelaksanaan Teori dan Praktis | |
| | 2.6.1 | Pendekatan Pengajaran | 43 |
| | 2.6.1.1 | Pendekatan Berpusatkan Pengajar | 43 |
| | 2.6.1.2 | Pendekatan Berpusatkan Pelajar | 44 |
| | 2.6.2 | Pengajaran Berkesan | 45 |
| | 2.6.3 | Halangan Pengajaran Berkesan | 46 |
| | 2.6.4 | Konsep Teori dan Praktis | 47 |
| | 2.6.4.1 | Jurang antara Teori dan Praktis | 48 |
| | 2.6.5 | Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pelaksanaan Teori dan Praktis | 50 |
| | 2.6.5.1 | Organisasi Isi Kandungan | 52 |
| | 2.6.5.2 | Pendekatan Pengajaran | 54 |
| | 2.6.5.3 | Peranan Pengajar | 55 |
| | 2.6.5.4 | Peranan Preceptor Tempatan (LP) | 55 |
| | 2.6.5.5 | Kurikulum Tersembunyi | 56 |
| | 2.6.6 | Rumusan | 57 |
| 2.7 | | Penggunaan Model Penilaian Iluminatif dalam Penilaian kurikulum | |

| | | |
|---------|---|----|
| 2.7.1 | Pengenalan Model Penilaian Iluminatif | 57 |
| 2.7.2 | Pelaksanaan Penilaian Berdasarkan Model Penilaian Iluminatif | 58 |
| 2.7.2.1 | Pemerhatian Awal | 60 |
| 2.7.2.2 | Maklumat Lanjutan | 60 |
| 2.7.2.3 | Memberikan Penjelasan | 60 |
| 2.7.3 | Kajian Lepas Menggunakan Model Iluminatif dalam Penilaian Kurikulum | 60 |
| 2.7.4 | Rumusan | 61 |
| 2.8 | Kerangka Teori Kajian | 61 |
| 2.8.1 | Rumusan | 63 |

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|---------|--|----|
| 3.1 | Pengenalan | 64 |
| 3.2 | Reka bentuk Kajian | 64 |
| 3.2.1 | Justifikasi Kajian Kualitatif | |
| 3.2.1.1 | Mendapatkan Maklumat dalam Aspek Proses Berbanding Hasil | 64 |
| 3.2.1.2 | Maklumat diperolehi dengan Mendalam, Naturalistik dan Eklektik | 64 |
| 3.2.1.3 | Interaksi Secara Langsung dengan Peserta | 64 |
| 3.2.1.4 | Menggunakan Model Penilaian Iluminatif | 65 |
| 3.2.2 | Kajian dijalankan Secara Kajian kes | 65 |
| 3.3 | Prosedur Menjalankan Kajian | 66 |
| 3.3.1 | Fokus, Tujuan dan Persoalan Kajian | 66 |
| 3.3.2 | Lokasi Kajian | |
| 3.3.2.1 | Kolej Pembantu Perubatan Seremban | 67 |
| 3.3.2.2 | Hospital Tuanku Jaáfar Seremban | 67 |
| 3.3.3 | Persampelan | |
| 3.3.3.1 | Pengajar | 69 |
| 3.3.3.2 | Pelajar | 69 |
| 3.3.3.3 | Preseptor Tempatan (LP) | 72 |
| 3.3.4 | Instrumen Kajian | 72 |
| 3.3.5 | Proses Kajian dan Etika Menjalankan Kajian | 72 |
| 3.4 | Prosedur Pengumpulan Data | |
| 3.4.1 | Fasa Pertama: Pemerhatian Awal | 74 |
| 3.4.1.1 | Kajian Rintis | |
| 3.4.2 | Fasa Kedua: Maklumat Lanjutan / Kajian Sebenar | |
| 3.4.2.1 | Temu bual | 75 |
| 3.4.2.2 | Pemerhatian | 76 |
| 3.4.2.3 | Semakan Dokumen | 77 |
| 3.4.3 | Fasa Ketiga: Analisis, Dokumentasi dan Laporan Kajian | 77 |

| | | |
|------------|---|-----|
| 3.5 | Prosedur Penganalisaan Data | |
| 3.5.1 | Proses Penganalisaan Data | |
| 3.5.1.1 | Transkripsi Data | 78 |
| 3.5.1.2 | Penyusunan Data dan Penganalisaan Data | 82 |
| 3.5.2 | Peranan Penyelidik | 83 |
| 3.6 | Etika Penyelidikan | 84 |
| 3.7 | Prosedur Pengesahan Data | |
| 3.7.1 | Kesahan | 84 |
| 3.7.1.1 | Triangulasi | |
| 3.7.1.2 | <i>Member Checks</i> | |
| 3.7.1.3 | <i>Peer Examination</i> | |
| 3.7.2 | Kebolehpercayaan | 85 |
| 3.8 | Rumusan | 85 |
| BAB | | |
| 4 | DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN | |
| 4.1. | Pengenalan | 86 |
| 4.2. | Temu Bual Bersemuka | |
| 4.2.1. | Demografi Peserta Kajian | 86 |
| 4.3. | Dapatan Kajian – Persoalan Kajian 1 | |
| 4.3.1 | Pengenalan | 90 |
| 4.3.2 | Aspek Skop | |
| 4.3.2.1 | Penekanan Aspek Pengetahuan dan kemahiran | 92 |
| 4.3.2.2 | Kedalaman dan keluasan Isi Kandungan SPK | 99 |
| 4.3.3 | Aspek Urutan | |
| 4.3.3.1 | Urutan Disusun mengikut Aras Kesukaran | 103 |
| 4.3.3.2 | Urutan Sesuai dengan Tahap Kefahaman Pelajar | 107 |
| 4.3.4 | Aspek Integrasi | |
| 4.3.4.1 | Integrasi Menegak | 111 |
| 4.3.4.2 | Integrasi Mendatar | 112 |
| 4.4 | Perbincangan | |
| 4.4.1 | Skop Isi Kandungan SPK | |
| 4.4.1.1 | Penekanan Aspek Pengetahuan dan Kemahiran Namun Kekurangan Aspek Nilai | 119 |
| 4.4.1.2 | Kedalaman dan Keluasan Isi Kandungan SPK | 121 |
| 4.4.2 | Urutan Isi Kandungan SPK | |
| 4.4.2.1 | Urutan Isi Kandungan Mengikut Aras Kesukaran Dapat Meningkatkan Kefahaman Pelajar | 126 |
| 4.4.3 | Integrasi Isi Kandungan SPK | |
| 4.4.3.1 | Integrasi Menegak dan Mendatar | 123 |
| 4.4.4 | Rumusan | 125 |
| 4.5 | Dapatan kajian – Persoalan Kajian 2 | |

| | | |
|---------|--|-----|
| 4.5.1 | Pengenalan | 125 |
| 4.5.2 | Aspek Pendekatan Pengajaran Teori | |
| 4.5.2.1 | Pendekatan Pengajaran Berpusatkan Pengajar | 127 |
| 4.5.2.2 | Membina Kemahiran Pemikiran Kritis | 131 |
| 4.5.2.3 | Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pengajaran | 133 |
| 4.5.2.4 | Integrasi Teori dan Praktis Dalam Pengajaran | 136 |
| 4.5.2.5 | Rumusan | 141 |
| 4.5.3 | Aspek Peranan Pengajar | |
| 4.5.3.1 | Melaksanakan Pemantauan dan Pengajaran Klinikal | 142 |
| 4.5.3.2 | Melaksanakan Amali di Makmal Kemahiran | 150 |
| 4.5.3.3 | Pembelajaran Berterusan melalui Kursus dan Latihan | 157 |
| 4.5.3.4 | Rumusan | 158 |
| 4.5.4 | Peranan Preseptor Tempatan (LP) | |
| 4.5.4.1 | Melaksanakan Penyeliaan Klinikal | 159 |
| 4.5.4.2 | Melaksanakan Pengajaran Klinikal | 163 |
| 4.5.4.3 | Pembelajaran Berterusan melalui Kursus dan Latihan | 166 |
| 4.5.4.4 | Rumusan | 167 |
| 4.5.5 | Kurikulum Tersembunyi | |
| 4.5.5.1 | Pengaruh Senior | 168 |
| 4.5.5.2 | Peraturan dan Disiplin | 172 |
| 4.5.5.3 | Pengaruh Teknologi Maklumat dan Komunikasi | 174 |
| 4.6 | Perbincangan | |
| 4.6.1 | Pendekatan Pengajaran Teori | |
| 4.6.1.1 | Pendekatan Berpusatkan Pengajar | 177 |
| 4.6.1.2 | Membina Kemahiran Pemikiran Kritis | 179 |
| 4.6.1.3 | Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran | 181 |
| 4.6.1.4 | Integrasi Teori dan Praktis dalam Pengajaran | 182 |
| 4.6.2 | Peranan Pengajar | |
| 4.6.2.1 | Pemantauan dan Pengajaran Klinikal | 183 |
| 4.6.2.2 | Pelaksanaan Amali di Makmal Kemahiran | 185 |
| 4.6.2.3 | Pembelajaran Berterusan melalui Kursus dan Latihan | 187 |
| 4.6.3 | Peranan LP | |
| 4.6.3.1 | Melaksanakan Penyeliaan dan Pengajaran Klinikal | 188 |
| 4.6.3.2 | Pembelajaran Berterusan melalui | |

| | | |
|------------|--|-----|
| | Kursus dan Latihan | 189 |
| 4.6.4 | Kurikulum Tersembunyi | |
| | 4.6.4.1 Pengaruh Senior | 191 |
| | 4.6.4.2 Peraturan dan Disiplin | 192 |
| | 4.6.4.3 Pengaruh Teknologi Maklumat dan Komunikasi | 193 |
| | 4.6.5 Rumusan | 194 |
| 4.7 | Dapatan Kajian – Persoalan Kajian 3 | |
| | 4.7.1 Aspek Isi Kandungan Teori | 195 |
| | 4.7.2 Aspek Prosedur dan Peralatan | 198 |
| | 4.7.3 Jurang antara Teori dan Praktis Menjejaskan Pelaksanaan Praktis Klinikal | 199 |
| | 4.7.4 Rumusan | 201 |
| 4.8 | Perbincangan – Jurang antara Teori dan Praktis | |
| | 4.8.1 Aspek Kedalaman Isi Kandungan Kurikulum | 202 |
| | 4.8.2 Aspek Prosedur dan Peralatan | 203 |
| | 4.8.3 Rumusan | 205 |
| BAB | | |
| 5 | RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN | |
| 5.1 | Pengenalan | 206 |
| 5.2 | Ringkasan Kajian | |
| | 5.2.1 Pemilihan Tajuk dan Fokus Kajian | 206 |
| | 5.2.2 Model Penilaian Iluminatif | 207 |
| | 5.2.3 Metodologi Kajian | 208 |
| | 5.2.4 Analisa dan Dapatan Kajian | 208 |
| 5.3 | Kesimpulan Hasil Kajian | |
| | 5.3.1 Organisasi Isi Kandungan SPK | 209 |
| | 5.3.2 Pendekatan Pengajaran Teori | 210 |
| | 5.3.3 Peranan Pengajar | 210 |
| | 5.3.4 Peranan LP | 211 |
| | 5.3.5 Kurikulum Tersembunyi | 211 |
| | 5.3.6 Jurang antara Teori dan Praktis | 212 |
| 5.4 | Implikasi Kajian | |
| | 5.4.1 Aspek Isi Kandungan Kurikulum | 212 |
| | 5.4.2 Pendekatan Pengajaran | 213 |
| | 5.4.3 Peranan Pengajar | 213 |
| | 5.4.4 Peranan Preseptor Tempatan (LP) | 213 |
| | 5.4.5 Kurikulum Tersembunyi | 214 |
| | 5.4.6 Jurang antara Teori dan Praktis | 214 |
| 5.5 | Cadangan | |
| | 5.5.1 Cadangan kepada Bahagian Pengurusan Latihan | 214 |
| | 5.5.2 Cadangan kepada Pihak Kolej dan Pengajar | 215 |
| | 5.5.2 Cadangan Kajian Lanjutan | 216 |

| | |
|---------------------------|------------|
| RUJUKAN | 218 |
| BIODATA | 278 |
| SENARAI PENERBITAN | 279 |



SENARAI JADUAL

| Jadual | | Halaman |
|--------|---|---------|
| 2.1 | Struktur Kursus Mengikut Minggu pada Setiap Semester | 20 |
| 2.2 | Subjek Perubatan Kecemasan Mengikut Semester | 21 |
| 3.1 | Matrik Penglibatan Peserta Kajian antara Subsoalan dan Lokasi Kajian | 73 |
| 4.1 | Demografi Peserta Kajian Mengikut Kategori Peserta | 89 |
| 4.2 | Demografi Peserta Mengikut Umur | 90 |
| 4.3 | Demografi Peserta Mengikut Pengalaman Kerja di Jabatan Kecemasan | 91 |
| 4.4 | Ringkasan Dapatan Persoalan Kajian 1: Menilai Elemen Organisasi Isi Kandungan SPK dalam Aspek Skop, Urutan dan Integrasi Berdasarkan Pandangan Peserta Kajian yang Terdiri daripada Pengajar, Pelajar dan PreseptorTempatan | 94 |
| 4.5 | Ringkasan dapatan Persoalan Kajian 2: Pelaksanaan Pengajaran Teori dan Praktis Subjek Perubatan Kecemasan | 128 |
| 4.6 | Analisis Tema Aktiviti Pengajaran daripada Pemerhatian Pengajaran Teori di Bilik Kuliah | 143 |
| 4.7 | Sub Tema yang Membentuk Tema Aktiviti Lawatan Klinikal | 151 |
| 4.8 | Ringkasan Jenis Kursus yang Diikuti oleh Pengajar | 160 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | | Halaman |
|--------------|--|----------------|
| 2.1 | Proses Pembangunan Kurikulum | 28 |
| 2.2 | Penilaian Kurikulum | 36 |
| 2.3 | Asas Kerangka Teori Kajian daripada Konsep Pembangunan Kurikulum | 42 |
| 2.4 | Konsep Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Teori dan Praktis Berdasarkan Model <i>Multi-Dimensional</i> yang telah Diubah suai daripada Ferguson & Jinks (1994) | 52 |
| 2.5 | Kerangka Teori Kajian diadaptasi daripada Model Iluminatif | 63 |
| 3.1 | Proses Kajian yang Akan Dijalankan oleh Penyelidik Paparan Utama Nvivo 10 yang Menunjukkan Folder Temu Bual Peserta, Nama Peserta serta Transkripsi Temu Bual yang Sudah dipindahkan ke dalam Perisian Nvivo 10. | 76 |
| 3.2 | Idea atau Konsep Umum yang Berkaitan dengan Persoalan Kajian | 81 |
| 3.3 | Kod dibentuk daripada Idea atau Konsep Umum yang Diperolehi daripada Transkrip Temu Bual | 82 |
| 3.4 | Proses Analisis Data | 83 |
| 3.5 | | 84 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|------|--|
| ABM | Alat Bantu Mengajar |
| ASKB | Anggota Sains Kesihatan Bersekutu |
| BPL | Bahagian Pengurusan Latihan |
| CPR | <i>Cardio-Pulmonary Resuscitation</i> |
| DPP | Diploma Pembantu Perubatan |
| EBP | <i>Evidence-Based Practices</i> |
| ECG | <i>Electro-Cardiography</i> |
| ICT | <i>Information Communication Technology</i> |
| JPK | Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum |
| KKM | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| KRA | <i>Key Result Area</i> |
| KSKB | Kolej Sains Kesihatan Bersekutu |
| LP | <i>Local Preceptor</i> |
| MCQ | <i>Multiple Choice Question</i> |
| MECC | <i>Medical Emergency Co-ordination Centre</i> |
| MEQ | <i>Modified Examination Question</i> |
| MQA | <i>Malaysian Qualification Agency</i> |
| OSCE | <i>Objective Structures Clinical Examination</i> |
| PBL | <i>Problem-Based Learning</i> |
| PPP | Penolong Pegawai Perubatan |
| SPK | Subjek Perubatan Kecemasan |
| SEQ | <i>Structured Examination Question</i> |
| TQM | <i>Total Quality Management</i> |

LAMPIRAN

| Lampiran | | Halaman |
|-----------------|---|----------------|
| 1 | Protokol Temu bual | 249 |
| 2 | Surat Panggilan Taklimat Penyelidikan Kepada Pengarah Dan Pengajar KPPS | 254 |
| 3 | Surat Cadangan Nama Peserta Kajian Oleh Kolej | 255 |
| 4 | Surat Persetujuan Menjadi Peserta Kajian | 257 |
| 5 | Surat Pengesahan Instrumen Kajian- Pakar | 259 |
| 6 | Surat Pengesahan Instrumen Kajian- Pakar | 260 |
| 7 | Surat Kelulusan Pengarah KPP | 261 |
| 8 | Surat Kelulusan Pengarah HTJ | 262 |
| 9 | Surat Kelulusan IBHR | 263 |
| 10 | Surat Kelulusan Jawatan kuasa Etika Penyelidikan Perubatan KKM (JEPP) | 264 |
| 11 | Contoh Catatan Lapangan | 265 |
| 12 | Contoh Catatan Semakan Dokumen | 267 |
| 13 | Contoh Transkrip Temu bual. | 269 |
| 14 | Borang Pengesahan Transkrip temubual | 271 |
| 15 | Contoh Memo Pemerhatian | 272 |
| 16 | Surat Validasi Pakar | 274 |
| 17 | Jejak Audit | 275 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan separa perubatan di negara ini sedang berkembang secara dinamis dan telah mengalami banyak transformasi sejak 20 tahun yang lalu. Perkembangan ini selaras dengan keperluan untuk meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan sama ada di peringkat tempatan dan juga antarabangsa (Hasan, 2011; Liow, 2010; Azila, Rogayah & Zabidi Hussin, 2006). Perkembangan ini juga antara lain dipengaruhi oleh pembaharuan kurikulum pendidikan separa perubatan daripada berorientasikan kemahiran kepada berorientasikan akademik yang berlaku di seluruh dunia (Grol & Grimshaw, 2003; Cohen, 2008; Chiarella et al., 2008).

Menurut Cheung dan Wong (2012), Abdul Rahim (2009) dan Stufflebeam, Herold dan Beulah (2003), setiap pembaharuan kurikulum perlu dinilai. Rossi dan Freeman (1993) mengatakan penilaian kurikulum merupakan satu proses yang sistematik untuk menilai kualiti sesuatu pembaharuan yang dilaksanakan. Penilaian kurikulum juga bertujuan untuk menilai pencapaian objektif sesuatu kurikulum Chang, 2011; Oliva, 2009). Selain itu penilaian kurikulum juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan gambaran bagaimana sesuatu pembaharuan itu dilaksanakan (House, 1983; Parlett & Hamilton, 1987).

Isu penting dan selalu diberi perhatian dalam pelaksanaan kurikulum pendidikan separa perubatan ialah tentang jurang antara teori dan praktis (Ross, Bennett & Perera, 2015; Wall, Andrus & Marrison, 2014; Scully, 2011; Levin, 2010; Morgan, 2006; Rofle, 1998; Michau et al., 2009). Menurut Scully (2011), jurang antara teori dan praktis ialah perbezaan antara pengetahuan teori yang dipelajari di bilik kuliah dengan pelaksanaan praktis dalam situasi sebenar. Teori merujuk kepada pengetahuan yang dipelajari di bilik kuliah manakala praktis pula merupakan pelaksanaan sesuatu prosedur di penempatan klinikal (Scully, 2011; Ferguson & Jinks, 1994). Menurut Ferguson dan Jinks (1994) lagi, berlakunya jurang antara teori dan praktis disebabkan tiadanya integrasi antara pengajaran teori dan praktis. Berlakunya jurang antara teori dan praktis ini mempengaruhi tahap kompetensi pelajar yang mana ia sudah pasti memberi kesan kepada keselamatan dan keberkesanan rawatan yang diberikan kepada pesakit (Michau, et al., 2009).

Bagi kursus Diploma Pembantu Perubatan (DPP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kandungan kurikulum mempunyai nisbah yang seimbang antara teori dan praktis termasuk dalam subjek Perubatan Kecemasan (Bahagian Pengurusan Latihan, 2008). Justeru, pelaksanaan teori dan praktis yang berkesan sangat penting bagi melahirkan anggota perkhidmatan yang berkemahiran, cekap dan selamat dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada masyarakat. Ini selaras dengan salah satu dari 3 *Key Result Area* (KRA) peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu 'Transformasi sektor kesihatan melalui peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian kesihatan bagi memastikan akses yang menyeluruh' (Liow, 2012).

Sehubungan itu, selaras dengan perkembangan dalam bidang pendidikan separa perubatan termasuk bidang perubatan kecemasan, penilaian perlu dijalankan terhadap

pelaksanaan teori dan praktis subjek Perubatan Kecemasan kurikulum Diploma Pembantu Perubatan supaya jurang antara teori dan praktis dapat dikenal pasti dan seterusnya langkah-langkah penambahbaikan dapat dilaksanakan.

1.2. Latar Belakang Kajian

1.2.1 Kursus Separa Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia

Kursus separa perubatan merupakan salah satu bidang dalam pendidikan perubatan. Di negara ini, kursus separa perubatan merujuk kepada kursus-kursus sama ada di peringkat diploma atau sijil bagi menyediakan anggota separa perubatan dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan (Bahagian Pengurusan Latihan, 2009a). Pada tahun 2013 terdapat seramai 154 579 orang anggota separa perubatan di negara ini (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2014). Anggota separa perubatan ini juga dikenali sebagai Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) atau *Allied Health Science Professions* (Bahagian Pengurusan Latihan, 2009b; Rotem, 2007).

Terdapat beberapa kursus separa perubatan yang dijalankan di negara ini. Kursus-kursus tersebut bertujuan untuk melahirkan anggota separa perubatan dalam bidang-bidang tertentu. Contohnya bidang pembantu perubatan iaitu kursus yang berkaitan ialah kursus Diploma Pembantu Perubatan.

1.2.2 Kursus Diploma Pembantu Perubatan

Kursus Diploma Pembantu Perubatan merupakan salah satu kursus separa perubatan yang dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kursus ini bertujuan untuk melahirkan Penolong Pegawai Perubatan yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam mengendalikan pesakit termasuk dalam kes-kes kecemasan. Penolong Pegawai Perubatan merupakan anggota separa perubatan yang memainkan peranan utama di perkhidmatan perubatan kecemasan termasuk memberikan rawatan awal kecemasan dan menstabilkan pesakit sebelum dirujuk kepada pegawai perubatan. Penolong Pegawai Perubatan yang berkhidmat dalam bidang perubatan kecemasan dan pra hospital juga dikenali sebagai anggota paramedik. Ini disebabkan peranan mereka menyerupai peranan *paramedic* yang terdapat di luar negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom dan Australia (Michau et al., 2009; Thomas, 2010; Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia, 2007a; Bahagian Sumber Manusia, 2012).

Pada tahun 1960an sehingga 1980an telah berlaku perkembangan dan pembaharuan terhadap kursus-kursus separa perubatan di seluruh dunia terutamanya di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Britain dan Australia. Perkembangan ini telah menyaksikan beberapa perubahan iaitu kursus-kursus yang bertaraf sijil dinaikkan taraf kepada diploma. Manakala pelaksanaan kursus yang dijalankan hospital telah dipindahkan ke kolej dan universiti (Pearson, 2002; Chiarella et al., 2008).

Menurut Pearson (2012), pembaharuan ini melibatkan perubahan daripada kursus yang memberi penekanan kepada kemahiran teknikal kepada kursus yang berorientasikan kepada akademik melalui pendekatan *evidence-based practices* (EBP). Sackett et al. (2000) menyatakan EBP merupakan integrasi antara pengetahuan ilmu perubatan dalaman (internal medicine) dengan kemahiran klinikal. Kurikulum EBP memberi

penekanan kepada pengetahuan dan praktis yang boleh dipercayai (credible) melalui ujian dan penelitian (Higgs & Jones, 2000; Sackett et al., 2000).

Kursus Diploma Pembantu Perubatan juga telah menerima kesan daripada perkembangan dan perubahan tersebut. Ini berlaku pada tahun 1993, apabila kurikulum kursus ini telah berubah daripada sijil kepada diploma dengan menggantikan sistem blok yang menekankan aspek kemahiran kepada sistem semester yang berorientasikan akademik (Bahagian Pengurusan Latihan, 2009b).

Kali terakhir perubahan dilaksanakan terhadap kurikulum kursus Diploma Pembantu Perubatan ialah pada tahun 2007. Perubahan kursus Diploma Pembantu Perubatan ini juga melibatkan subjek Perubatan Kecemasan. Subjek Perubatan Kecemasan merupakan salah satu subjek teras dalam kurikulum Diploma Pembantu Perubatan. Subjek Perubatan Kecemasan ini telah mengalami penambahan jumlah kredit teori daripada 5 kredit kepada 6 kredit dan pengurangan waktu penempatan klinikal daripada 9 minggu kepada 8 minggu. Perubahan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi keberkesanan kursus terutamanya dalam aspek pengetahuan dan kompetensi pelajar yang melibatkan teori dan praktis (Bahagian Pengurusan Latihan, 2009b).

Peningkatan jumlah kredit teori dan pengurangan waktu penempatan klinikal (praktis) sudah tentu memberi implikasi kepada tahap pengetahuan dan kemahiran pelajar. Bagi memastikan perubahan yang dilaksanakan ini memberi implikasi yang positif, sebarang kelemahan dalam aspek pelaksanaannya perlu dikesan dan dibuat penambahbaikan dengan segera. . Justeru, perlunya penilaian dijalankan dalam aspek pelaksanaannya terutamanya melibatkan pelaksanaan teori dan praktis dalam Subjek Perubatan Kecemasan kerana aspek pelaksanaan teori dan praktis merupakan aspek kritikal dalam pelaksanaan kurikulum separa perubatan (Ferguson & Jinks, 1994; Cardin & Mcneese-Smith, 2005; Scully, 2011).

1.2.3 Pelaksanaan Teori dan Praktis

Pelaksanaan teori dan praktis telah menjadi perbincangan meluas dalam kalangan pengkaji dalam bidang pendidikan perubatan termasuk kursus-kursus separa perubatan seperti kursus paramedik dan kejururawatan (Ross, Bennett & Perera, 2015; Wall, Andrus & Marrison, 2014; Scully, 2011; Levin, 2010; Brenda, 2006; Corlett et al., 2003; Michau et al., 2009).

Dalam kurikulum kursus separa perubatan, teori mempunyai hubungan yang rapat dengan praktis. Teori merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu bidang ilmu yang diajar di dalam bilik kuliah manakala praktis merujuk kepada pelaksanaan sesuatu prosedur di penempatan klinikal (McCaugherty; 1991; Evetts, 2003; Ferguson & Jinks, 1994). Dalam aspek kepentingan teori kepada praktis, Evetts (2003) dan Schon (1987) mengatakan teori akan menyumbang kepada kefahaman melakukan praktis dalam sesuatu bidang. Manakala Cardin dan Mcneese-Smith (2005) pula mengatakan teori merupakan asas kepada pelaksanaan praktis yang akan diterjemahkan dalam situasi sebenar. Perbezaan antara praktis yang dilaksanakan di penempatan klinikal dengan pengetahuan yang dipelajari di bilik kuliah dikenali sebagai jurang antara teori dan praktis (Gallagher, 2004; Hanberg & Brown, 2006; Scully, 2011).

Isu jurang antara teori dan praktis telah menarik minat beberapa pengkaji dalam bidang pendidikan separa perubatan sejak dahulu lagi (Ross, Bennett & Perera, 2015; Wall, Andrus & Marrison, 2014; Scully, 2011; Levin, 2010; Morgan, 2006; Wilson, 2008). Kajian oleh Michau et al. (2009) mendapati jurang antara teori dan praktis masih wujud dalam kalangan pelajar paramedik di Australia. Manakala kajian oleh Swain, Pufahl dan Williamson (2003) mendapati jurang antara teori dan praktis wujud dalam kalangan pelajar kejururawatan di England.

Berlakunya jurang antara teori dan praktis disebabkan oleh beberapa faktor. Menurut Allmark (1995) dan Morgan (2006), faktor utama ialah tiadanya integrasi antara teori dan praktis dalam kurikulum yang dilaksanakan. Integrasi bermaksud 'menghubungkan' (Tyler, 1997). Integrasi antara teori dan praktis bermaksud menghubungkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di kolej dengan pelaksanaan praktis di penempatan klinikal. Faktor integrasi teori dan praktis telah menjadi perbincangan yang meluas dalam kalangan ahli pendidikan perubatan (McCaugherty, 1991; Morgan, 2006; Jerlock, Falk & Severinsson, 2003; Ehrenberg & Haggblom, 2007).

Menurut Ferguson dan Jinks (1994), tiadanya integrasi teori dan praktis disebabkan berlakunya kepincangan dalam dua aspek iaitu aspek perancangan kurikulum dan aspek pelaksanaan kurikulum. Dalam aspek perancangan kurikulum terdapat empat faktor utama iaitu model pembangunan kurikulum yang digunakan, organisasi teori dan praktis, kandungan pengajaran, metodologi pengajaran dan kriteria penilaian. Manakala dalam aspek pelaksanaan kurikulum pula terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi integrasi teori dan praktis iaitu peranan guru, peranan kakitangan perkhidmatan dan peranan kurikulum tersembunyi (Ferguson & Jinks, 1994; Corlett. et al., 2003; Maben, Latter & Clark, 2006; Bennet et al., 2009).

Menurut Spouse (2001) dan Landers (2000) masalah jurang antara teori dan praktis semakin meningkat. Peningkatan ini sudah tentu membimbangkan kerana ia sudah pasti menjejaskan pelaksanaan kurikulum dan seterusnya memberi kesan kepada kualiti graduan yang dilahirkan nanti (McBrien, 2006; Michau. et al., 2009). Sehubungan itu, perlunya kajian yang mendalam dijalankan bagi melihat aspek pelaksanaan teori dan praktis bagi mengenal pasti adakah wujud jurang antara teori dan praktis khususnya subjek Perubatan Kecemasan kurikulum Diploma Pembantu Perubatan.

1.2.4 Pelaksanaan Teori dan Praktis Subjek Perubatan Kecemasan

Pelaksanaan teori dan praktis Subjek Perubatan Kecemasan melibatkan reka bentuk kurikulum dan pelaksanaan pengajaran di kolej. Elemen penting dalam reka bentuk kurikulum adalah organisasi isi kandungan kurikulum dalam aspek teori dan praktis. Menurut Schubert (1986), Tyler (1997) dan Ornstein dan Hunskins (2009), organisasi isi kandungan merupakan susunan isi kandungan kurikulum dan ia terbahagi kepada tiga aspek utama iaitu skop, urutan dan integrasi isi kandungan kurikulum.

Skop merupakan keluasan dan kedalaman isi kandungan kurikulum (Ornstein & Hunskins, 2009). Menurut Hewitt (2006), skop melibatkan tiga aspek utama iaitu aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Skop isi kandungan kurikulum subjek Perubatan Kecemasan dibina berdasarkan peranan dan tanggungjawab Penolong Pegawai Perubatan dalam bidang perubatan kecemasan (Bahagian Pengurusan Latihan, 2008a). Namun perkembangan muktahir dalam perubatan kecemasan menyebabkan timbulnya

persoalan adakah skop isi kandungan kurikulum perubatan kecemasan masih sesuai dengan peranan dan tanggungjawab PPP.

Urutan pula didefinisikan sebagai susunan sesebuah kurikulum mengikut aras kesukaran (Hewitt, 2006). Urutan isi kandungan Subjek Perubatan Kecemasan mengikut taksonomi Bloom (Bloom, 1994) iaitu berdasarkan aras kesukaran (Bahagian Pengurusan Latihan, 2008a; DaRosa, et al., 2011). Pada peringkat awal pelajar diajar konsep asas perubatan kecemasan termasuk definisi dan tanda-tanda klinikal sesuatu penyakit atau kondisi kecemasan. Selepas itu konsep yang lebih sukar pula diajar kepada pelajar iaitu aspek kemahiran seperti penyiasatan, pemeriksaan fizikal dan pengendalian pesakit (Bahagian Pengurusan Latihan, 2008a).

Manakala dalam aspek integrasi pula, integrasi merupakan hubungan antara subjek dengan subjek yang lain dalam sesebuah kurikulum. Menurut Hassan (2013) integrasi dalam kurikulum pendidikan perubatan melibatkan integrasi menegak (vertical) dan integrasi mendatar (horizontal) antara subjek perubatan asas dengan subjek klinikal. Integrasi isi kandungan kurikulum membantu pelajar memahami sesuatu subjek dengan lebih cepat kerana pengalaman pembelajaran daripada subjek yang terdahulu membantu pelajar memahami isi kandungan subjek yang baru dipelajari (Hassan, 2013).

Dalam aspek pelaksanaan pengajaran, pengajaran teori dijalankan secara syarahan dan tutorial di bilik kuliah. Selaras dengan perkembangan kurikulum pendidikan perubatan yang menggunakan pendekatan *evidence-based practices* (EBP), pendekatan pengajaran yang digunakan ialah secara berpusatkan pelajar. Namun begitu kajian oleh Alias (2011), mendapati pengajar di institusi latihan KKM menggunakan pengajaran berpusatkan pengajar dalam pengajaran teori. Pendekatan pengajaran berpusatkan pengajar gagal melatih pelajar menguasai kemahiran utama seperti kemahiran berfikir, menyelesaikan masalah dan kemahiran komunikasi (Gabbin, 2002), sedangkan kemahiran tersebut amat penting bagi membantu pelajar melaksanakan praktis di penempatan klinikal. Ketika di penempatan klinikal, pelajar akan menghadapi situasi mencabar yang memerlukan mereka membuat keputusan secara cepat dan tepat bagi menyelamatkan nyawa pesakit dalam keadaan kecemasan.

Selain pengajaran teori, terdapat juga sesi amali di makmal kemahiran. Tujuan sesi amali ialah untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran dalam melaksanakan prosedur tertentu sebelum mereka menjalani praktis di penempatan klinikal (Morgan, 2006). Selain itu ia dapat meningkatkan keyakinan pelajar sebelum mereka melaksanakan praktis di penempatan klinikal (Alias et al., 2012).

Namun begitu, timbul persoalan adakah pelajar telah diberikan pendedahan yang mencukupi di makmal kemahiran sebelum mereka menjalani praktis di penempatan klinikal. Kajian awal ke atas pelajar semester 5 kursus DPP menunjukkan 37.4 peratus pelajar merasakan latihan amali yang dijalankan di makmal kemahiran di kolej tidak mencukupi (Alias et al., 2012). Ini selaras dengan dapatan kajian oleh Hickey (1996) terhadap pelajar separa perubatan di luar negara pula menunjukkan 56 peratus pelajar merasakan mereka tidak diberi pendedahan amali secukupnya semasa berada di kolej.

Dalam aspek penggunaan alat bantu mengajar, berbagai alat bantu mengajar digunakan dalam pelaksanaan pengajaran teori Subjek Perubatan Kecemasan. Di bilik kuliah, pengajar menggunakan *powerpoint* sebagai alat bantu mengajar yang utama (Alias,

2011). *Powerpoint* merupakan multimedia yang berkesan dan selalu digunakan sebagai alat bantu mengajar kerana ia dapat membantu guru menerangkan konsep saintifik dengan berkesan (Tajularipin, Roselan & Suzieleez, 2011). Manakala alat bantu mengajar yang digunakan di makmal kemahiran ialah berbagai peralatan perubatan.

Manakala dalam aspek pelaksanaan praktis pula, pelajar menjalani praktis klinikal pada semester 5 dan 6. Pelaksanaan praktis dijalankan di hospital dan klinik kesihatan di seluruh negara. Pelajar-pelajar ditempatkan di jabatan kecemasan dan klinik kesihatan di semester 5 dan semester 6 bagi memperolehi pengalaman serta kemahiran dalam melaksanakan prosedur serta pengendalian pesakit kecemasan. Mengikut Ross, Bennett dan Perera (2015) dan Reilley dan Oermann (1992) praktis klinikal membolehkan pelajar mengaplikasikan teori kepada praktis, meningkatkan kompetensi dan kemahiran psikomotor.

Namun begitu, terdapat beberapa masalah dalam pelaksanaan praktis di penempatan klinikal. Kajian awal yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar semester 5 kursus Diploma Pembantu Perubatan berkaitan dengan perspekif pelajar terhadap latihan klinikal mendapati 11.9 peratus pelajar pernah bekerja tanpa bimbingan oleh *Preseptor Tempatan*(LP) atau kakitangan klinikal di penempatan klinikal. Manakala 23.9 peratus lagi mendapati prosedur yang dijalankan di penempatan klinikal berbeza dengan prosedur yang dipelajari secara teori di kolej. 26.9 peratus lagi pelajar mengatakan mereka pernah menjalankan kerja yang di luar skop pembelajaran mereka. Dalam aspek peluang melaksanakan prosedur pula, 61.2 peratus mengatakan peluang melaksanakan prosedur terhad disebabkan pelajar terlalu ramai manakala 19.4 peratus disebabkan kekurangan kes atau pesakit (Alias et al., 2012). Dapatan kajian ini menyokong pendapat Campbell (1984) dan Rotem (2007) yang menyatakan terdapat masalah dalam pelaksanaan praktis di penempatan klinikal.

Dalam aspek penyeliaan klinikal pula, pelaksanaan praktis diselia oleh preseptor tempatan (LP). LP yang dilantik merupakan Penolong Pegawai Perubatan yang berkhidmat di Jabatan Kecemasan atau klinik kesihatan. LP berperanan sebagai *resouce person* di penempatan klinikal (Bahagian Pengurusan Latihan, 2008a). Walaubagaimanapun LP tidak dilatih secara khusus berkaitan dengan metodologi pengajaran, tetapi mereka hanya diberi taklimat dan kursus pendek oleh pihak kolej dan Bahagian Pengurusan Latihan bagi memberi pendedahan kepada mereka berkaitan dengan peranan serta tanggungjawab mereka sebagai LP. Perlantikan LP dibuat berdasarkan pengalaman mereka yang luas dalam bidang perubatan kecemasan (Bahagian Pengurusan Latihan, 2008a).

Kajian awal terhadap pelajar Diploma Pembantu Perubatan yang menjalani praktis klinikal mendapati 80.6 peratus bersetuju bahawa LP telah membantu memberi tunjuk ajar di penempatan klinikal. Walau bagaimanapun, kajian oleh Rotem (2007) mendapati terdapat tekanan terhadap kakitangan klinikal dan LP dalam memantau pelajar di penempatan klinikal. Tekanan ini disebabkan bilangan pelajar yang ramai di samping terdapat pengajar baru yang memantau mempunyai kurang pengetahuan dan pengalaman klinikal.

Selain LP yang melakukan pemantauan klinikal, pengajar juga membuat pemantauan klinikal secara berkala. Mereka memantau kehadiran dan disiplin pelajar, serta melaksanakan pengajaran klinikal secara *hands-on* atau *bed-site teaching*. Selain itu, mereka juga berperanan sebagai *role model* dengan melakukan tunjuk ajar dan contoh

yang baik kepada pelajar di penempatan klinikal (Devenish, 2014; Edward, 2011; Maben, Latter & Clark, 2006).

Namun begitu, pemantauan klinikal yang dijalankan oleh pengajar tidak berlaku seperti mana yang dirancang. Kajian yang dijalankan oleh Rotem (2007) mendapati pengajar-pengajar di institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk bertemu dengan pelajar di penempatan klinikal.

Dalam aspek persekitaran pula, kolej telah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran pelajar. Ini termasuk persekitaran fizikal seperti bilik kuliah, makmal kemahiran dan perpustakaan. Namun begitu, dalam aspek persekitaran ini, bukan sahaja persekitaran fizikal memainkan peranan penting kejayaan pelaksanaan kurikulum, tetapi persekitaran sosial dan budaya juga memainkan peranan penting.

Persekitaran fizikal, sosial dan budaya ini dipanggil iklim pembelajaran. Iklim pembelajaran yang kompleks boleh membentuk kurikulum tersembunyi. Ini selaras dengan pendapat Donaghy (2010), Hafferty (1998) dan Bennett et al. (2004) yang mengatakan kurikulum tersembunyi terbentuk daripada persekitaran organisasi seperti persekitaran fizikal, polisi dan budaya institusi. Dalam konteks pelaksanaan teori dan praktis Subjek Perubatan Kecemasan ini, kolej dan penempatan klinikal mempunyai persekitaran yang kompleks. Di kolej sendiri, terdapat pelbagai bentuk persekitaran yang boleh mempengaruhi pelaksanaan pengajaran teori seperti kemudahan fizikal, latar belakang pengajar, latar belakang pelajar, peraturan kolej dan polisi kementerian serta budaya kolej. Manakala di penempatan klinikal pula faktor-faktor persekitaran yang boleh membentuk kurikulum tersembunyi ialah seperti budaya dan amalan kerja, garis panduan klinikal serta peraturan dan polisi institusi.

